



جامعة السلطان الشريف علي الإسلامية
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

Fakulti Syariah dan Undang-Undang Semester III, Sesi Akademik 2014/2015

Kertas Soalan Peperiksaan

Kod Kursus : SC 0309

**Nama Kursus : Undang-Undang Prosedur Di
Mahkamah Syariah**

Peringkat Kursus : Sijil Sistem Keadilan Jenayah Syariah

Masa : 3 jam

Rujukan dibenarkan:

Akta Majlis Ugama Islam Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi (Panggal 77)
Kanun Peraturan Jenayah Brunei (Panggal 7)

Nota :

Jawab empat soalan dari soalan-soalan berikut.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Soalan Pertama (15 markah)

Pada 30 November 2015, kira-kira jam 1 pagi, satu operasi bersepadu yang dinamakan OPS MENGAMBAU 13/2015 telah dijalankan di kawasan gedung-gedung perniagaan di daerah Pura Cindana. Di dalam Operasi tersebut, kira-kira jam 2.30 minit pagi mereka telah mendapati sepasang lelaki dan perempuan di dalam sebuah bilik sewa, tingkat 3, Kompleks Aku Kaya, Kampong Tada Nama, Daerah Pura Cindana.

Keadaan sewaktu didapati, suspek lelaki sedang sembunyi di belakang pintu bilik dalam keadaan berseluar pendek tanpa baju manakala suspek perempuan dalam keadaan baju tidur tanpa lengan sedang membuka pintu.

Nama suspek lelaki ialah Awang Lelaki bin Laki-Laki (berumur 30 tahun, status bujang, warganegara Planet Zargus dan berkerja sebagai Potong Wayar Telefon) manakala suspek Perempuan ialah Neng Manis Binti Manis Sekali (berumur 30 tahun, status janda, warganegara Planet Zargus dan berkerja sebagai Amah).

Berpandukan fakta kes di atas menunjukkan kedua suspek boleh didakwa dibawah Bab 196 (1), Perintah Kanun Jenayah Syariah 2013. Sila membuat rangka pertuduhan bagi kedua suspek untuk dibicarakan di Mahkamah Syariah.

Peruntukkan Jenayah Khalwat dari Perintah Kanun Jenayah Syariah 2013..

196. (1) Mana-mana orang Islam yang melakukan *khalwat* adalah melakukan kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$4,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Soalan Kedua (15 markah)

Bab 55A dari Akta Majlis Ugama Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 merujuk Seksyen 21 dari Kanun Peraturan Jenayah, Penggal 7 telah memperuntukkan mengenai pemeriksaan ke atas orang yang berada di tempat yang digeledah dengan waran.

Huraikan pandangan Anda mengenai peruntukkan berkenaan dengan pandangan Syara' berdasarkan Kes Hatib Bin Abi Balta'ah yang berlaku di Zaman Nabi ﷺ

Soalan Ketiga (15 markah)

Di dalam Akta Majlis Ugama dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, Penggal 77 menyatakan tentang prosedur tangkapan tanpa waran.

- (a) Huraikan apa yang diperuntukkan di dalam bab mengenai prosedur tangkapan tanpa waran dari Akta berkenaan.
- (b) Apa yang dimaksudkan 'pecah keamanan' bagi kesalahan jenayah Syariah dengan memberikan senario kesalahan.

Soalan Keempat (15 markah)

Huraikan dan nyatakan Seksyen atau bab mana daripada Akta Majlis Ugama dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 yang terdapat peruntukan mengenai Pertuduhan Bertindih.

Soalan Kelima (15 markah)

- a) Apakah tujuannya pernyataan saksi perlu dibuat di hadapan polis atau penguatkuasa Agama mengenai sesuatu fakta kesalahan yang telah berlaku? Sila nyatakan peruntukan Seksyen atau Bab mengenai siasatan terhadap saksi.
- b) Bagaimana jika keterangan saksi semasa dalam perbicaraan Mahkamah bercanggah dengan pernyataannya semasa siasatan.

بالتوفيق والنجاح